



02 MAY, 2026

## Agih keuntungan syarikat melalui gaji lebih tinggi

Utusan Malaysia, Malaysia



ORANG ramai yang hadir membaca ikrar pada Sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

# Agih keuntungan syarikat melalui gaji lebih tinggi

Oleh FITRI NIZAM  
dan ARIF AIMAN ASROL  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Keuntungan syarikat sepatutnya diagihkan kepada pekerja untuk membolehkan mereka menikmati kadar gaji lebih tinggi.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, harapan dan mesej itu jelas dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

“Saya harap syarikat-syarikat

besar dapat meneliti apa bantuan sokongan terutama daripada aspek gaji dan perlindungan buat para pekerja dapat ditingkatkan tanpa menjejaskan keuntungan yang diperoleh melalui usaha penat lelah para pekerja sendiri,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di Bukit Jalil di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri menegaskan, manfaat pertumbuhan ekonomi perlu diagihkan lebih seimbang dengan

pekerja dan menggesa syarikat untuk bertanggungjawab serta tidak mengejar keuntungan semata-mata.

Anwar berkata, kemajuan ekonomi negara tidak seharusnya meminggirkan golongan pekerja yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan dan kestabilan negara.

Menurut beliau, pengalaman pelaksanaan dasar gaji minimum lebih tinggi sebelum ini membuktikan syarikat, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) masih mampu mencatat

keuntungan walaupun meningkatkan bayaran upah kepada pekerja.

Dalam pada itu, Fahmi mengucapkan tahniah kepada wartawan, Terrence Tan Jian Wa dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang menerima Anugerah Media Terbaik.

“Saya turut berbangga kerana Telekom Malaysia (TM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menerima anugerah. Kedua-dua badan ini berpangkalan di Lembah Pantai iaitu di kawasan saya,” katanya.